Ishak Mad Shah (1999) menyatakan bahawa komunikasi interpersonal adalah komunikasi yang berlaku antara kita dengan seseorang yang lain. Lazimnya ia berlaku dalam bentuk formal tidak berstruktur. Komunikasi ini menggunakan semua elemen dalam proses komunikasi yang meliputi komunikasi lisan dan bukan lisan. Saluran yang digunakan untuk komunikasi ini adalah pandangan dan bunyi. Oleh kerana komunikasi ini melibatkan dua orang atau lebih, maka ia selalunya mempunyai maklum balas. Menurut beliau lagi, komunikasi interpersonal membabitkan satu pertukaran maklumat melalui satu saluran komunikasi daripada seseorang kepada orang yang lain.

Menurut Tubbs dan Moss (1994), komunikasi yang berkesan ialah apabila rangsangan yang diusahakan dan disasarkan oleh pengirim dan penerima begitu secocok dengan rangsangan yang dijangkakan dan diberi tindak balas oleh penerima. Maka kemahiran komunikasi interpersonal yang tinggi merupakan asas kepada perwujudan komunikasi yang berkesan kerana apabila setiap individu di dalam organisasi dapat menjalankan komunikasi yang berkesan, maka secara tidak langsung komunikasi organisasi mereka juga akan berkesan.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan model komunikasi interpersonal Abdullah Hassan (2001) yang mengemukakan dua model iaitu Model Humanistik dan Model Pragmatik.

#### **1.4.1 Model Humanistik**

Adakalanya Model Humanistik disebut sebagai “model lembut”. Menurut model ini, komunikasi interpersonal yang efektif mengandungi lima unsur atau ciri, iaitu ciri keterbukaan, empati, dukungan, positif dan saksama (Abdullah Hassan, 2001).

Ciri pertama ialah ciri keterbukaan. Dalam ciri ini terdapat tiga aspek sikap terbuka iaitu pertama, seseorang itu sanggup memberitahu orang lain berkenaan dirinya, iaitu termasuk perasaan, sikap, nilai dan fikiran-fikirannya. Aspek kedua ialah seseorang itu sanggup memberi maklum balas secara jujur ke atas apa yang orang lain katakan padanya. Aspek yang ketiga ialah seseorang itu sanggup bertanggungjawab dan mengaku bahawa apa yang difikirkan dan dirasai oleh fikiran dan perasaannya sendiri bukan disebabkan oleh perbuatan orang lain.

Ciri kedua ialah ciri empati. Empati ialah unsur komunikasi yang paling susah hendak dicapai. Apabila seseorang itu berempati dengan individu lain, maknanya dia merasai apa yang orang itu rasai, dia mengalami apa yang orang itu alami dan dia memahami apa yang orang itu fahami.

Ciri ketiga ialah ciri dukungan. Ada dua perkara penting di dalam komunikasi yang mendukung, iaitu pertamanya ialah seseorang itu bercakap secara deskriptif. Dia cuba menerangkan apa yang sebenarnya berlaku. Perkara kedua dalam ciri dukungan ini ialah seseorang itu

bercakap secara “berlapik” atau “bersyarat” iaitu bukan secara muktamad.

Ciri keempat ialah sikap positif. Di dalam komunikasi interpersonal, sikap positif merujuk kepada perasaan hormat kepada diri sendiri, hormat kepada orang lain dan hormat kepada situasi komunikasi itu sendiri.

Ciri kelima ialah kesaksamaan. Untuk berkomunikasi secara saksama ada beberapa perkara yang perlu dielakkan apabila bercakap iaitu:

- (i) Jangan menyampuk cakap orang lain. Biarkan dia bercakap sampai habis. Apabila seseorang itu menyampuk, dia menganggap dirinya lebih besar dan lebih berkuasa daripada orang yang disampuknya.
- (ii) Iktiraf apa yang dikatakan oleh orang itu sebelum mula mengemukakan pendapat sendiri. Cara itu menunjukkan seseorang itu sudah mendengar dan memahami apa yang diperkatakan kepadanya.

#### **1.4.2 Model Pragmatik**

Sebuah lagi model komunikasi interpersonal ialah model pragmatik. Ada kalanya ia disebut sebagai “model keras”. Menurut Abdullah Hassan (2001) model ini sebenarnya mengenal pasti kemahiran-kemahiran yang perlu dimiliki untuk berkomunikasi. Menurut teori ini, komunikasi interpersonal yang berkesan mengandungi lima unsur atau ciri iaitu keyakinan sosial, kebersamaan, pengurusan interaksi, daya ekspresif dan orientasi lain.

Ciri pertama ialah keyakinan sosial. Untuk berinteraksi dengan berkesan, seseorang itu perlu memiliki

keyakinan sosial iaitu keyakinan pada diri sendiri apabila berada bersama orang-orang lain.

Ciri kedua ialah kebersamaan. Kebersamaan bermakna penutur dan pendengar adalah sangat rapat. Kedua-duanya merasa intim, mesra dan bersatu. Apabila ada kebersamaan, kita kelihatan seperti berminat, khusyuk, suka dan minat pada orang itu.

Ciri ketiga ialah daya ekspresif. Salah satu kemahiran yang dimiliki oleh orang-orang yang mempunyai ramai sahabat handai dan kenalan ialah kemahiran mengurus interaksi apabila mereka sedang berkomunikasi dengan orang-orang lain.

Ciri keempat ialah pengurusan interaksi. Untuk berinteraksi secara berkesan, proses interaksi hendaklah diuruskan supaya tidak ada mana-mana pihak yang berasa dirinya tidak dipedulikan ataupun ada pihak yang memborong perhatian. Masing-masing biarlah sama-sama berasa mereka ikut menyumbang kepada keberkesanan interaksi itu.

Ciri kelima ialah orientasi lain. Ramai orang yang seronok menjadikan diri mereka sendiri sebagai orientasi utama disebabkan mereka sangat berminat kepada diri mereka sendiri. Apabila berbual-bual, mereka sibuk bercakap tidak habis-habis dan topik kegemaran mereka ialah diri mereka sendiri, tentang pengalaman-pengalaman mereka, tentang minat mereka, tentang kehendak-kehendak mereka dan lain-lain yang semuanya bersangkutan-paut dengan diri mereka sahaja.

## **1.5 METODE**

### **1.5.1 Populasi dan Persampelan Kajian**

Pemilihan subjek kajian melibatkan persampelan (proses mendapat sampel dari populasi). Responden adalah murid yang menjawab soalan-soalan soal selidik iaitu di kalangan murid-murid di sekolah rendah dalam jajahan Tumpat. Subjek terdiri daripada murid Tahun Enam (150 orang). Perimeter (ukuran ciri populasi) iaitu maklumat yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal.

Populasi kajian adalah murid-murid sekolah rendah dalam jajahan Tumpat. Sampel kajian terdiri daripada murid-murid Tahun Enam. Pemilihan populasi kajian iaitu murid-murid sekolah rendah dalam jajahan Tumpat kerana bentuk penyelidikan berbentuk kualitatif dengan penyelidik terlibat secara langsung sebagai pentadbir bagi salah satu daripada sekolah yang terlibat dalam kajian. Pemilihan murid Tahun Enam ialah kerana kualiti, iaitu sampel yang dipilih bersesuaian, berfikiran agak matang dan sudah memasuki alam remaja.

Bilangan sampel yang dikaji adalah 150 orang murid iaitu 36 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Sri Tumpat 1, 40 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Sri Tumpat 2, 40 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Kelaboran dan 34 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Tumpat.

### **1.5.2 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah alat yang digunakan di dalam kajian untuk menguji sesuatu persoalan. Ia adalah berbentuk soal selidik kerana ia bersesuaian dengan kaedah kajian di samping menjimatkan masa dan kos penyelidikan. Mengikut Oppenheim (1996) di dalam Mohd Najib (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan

dengan sikap, persepsi dan pandangan selain daripada keterangan latar belakang.

Menurut Mohd. Najib (1999), penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

(i) Bahagian A

Terdiri daripada item-item yang berkaitan dengan latar belakang responden. Responden dikehendaki menandakan ruangan yang telah disediakan di dalam borang soal selidik dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai biodata. Biodata ini diperlukan untuk mengenal pasti kumpulan murid dari segi jantina.

(ii) Bahagian B

Terdiri daripada 40 item soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Item-item ini terdiri daripada dua komponen iaitu Model Humanistik dengan ciri-ciri keterbukaan, empati, dukungan, sikap positif dan kesaksamaan sebanyak 20 soalan dan model kedua iaitu Model Pragmatik dengan ciri-ciri keyakinan sosial, kebersamaan, daya ekspresif, pengurusan interaksi dan orientasi lain sebanyak 20 soalan. Bahagian ini perlu dijawab oleh responden untuk menilai tahap komunikasi interpersonal mereka. Pilihan jawapan kepada responden adalah menggunakan kaedah Skala Likert.

Skala Likert digunakan untuk mengenal pasti tahap komunikasi interpersonal murid-murid Tahun Enam di sekolah rendah dalam jajahan Tumpat, Kelantan. Skala Likert digunakan kerana ia boleh mengumpul maklumat mengenai persetujuan responden terhadap item-item yang digunakan. Mohamad Najib (1999) mengatakan bahawa responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem ke ekstrem bertentangan; contohnya dari ‘sangat setuju’ kepada ‘sangat tidak setuju’. Soal selidik yang mengandungi item komunikasi interpersonal menggunakan skala lima. Responden memilih dan menanda jawapan berdasarkan skala 1 hingga 5 seperti Jadual 1.1 di bawah:

Nilai	Skala	Singkatan
1	Sangat tidak setuju	STS
2	Tidak setuju	TS
3	Tidak pasti	TP
4	Setuju	S
5	Sangat setuju	SS

Jadual 1.1 Skor bagi Skala Likert (Mohamad Najib, 1999).

Jadual 1.2 menunjukkan taburan dan jumlah item bagi setiap model dan ciri-cirinya di dalam soal selidik bahagian B.

Item-item yang digunakan bagi kajian ini diubahsuai daripada Mohamad Shahir (2006), iaitu ‘Hubungan konsep sendiri dan komunikasi interpersonal dengan pencapaian akademik di kalangan mahasiswa/siswi Tahun 5 SPM & 5 SPT di Fakulti Pendidikan UTM’. Setelah diubahsuai dan dilakukan kajian rintis, nilai Alpha Cronbach bagi instrumen ialah 0.901. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi. Kajian rintis ini telah dilakukan di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubur 2, Tumpat, Kelantan. Responden telah dipilih secara rawak terdiri daripada 10 orang murid Tahun Enam, lima lelaki dan lima perempuan.

Bil.	Bahagian	Konstruk	No. Item
1	Latar belakang	Jantina	1
2	Komunikasi interpersonal	<b>Model Humanistik</b>	
		(a) keterbukaan	2, 3, 4, 5
		(b) empati	6, 7, 8, 9
		(c) dukungan	10, 11, 12, 13
		(d) sikap positif	14, 15, 16, 17
		(e) kesaksamaan	18, 19, 20, 21
		<b>Model Pragmatik</b>	
		(a) keyakinan sosial	22, 23, 24, 25
		(b) kebersamaan	26, 27, 28, 29
		(c) daya ekspresif	30, 31, 32, 33
		(d) pengurusan interaksi	34, 35, 36, 37
		(e) orientasi lain	38, 39, 40, 41

Jadual 1.2 Taburan item dalam soal selidik

### 1.5.3 Prosedur Kajian

Sebelum kajian dijalankan, beberapa prosedur telah dilakukan oleh penyelidik agar penyelidikan yang dijalankan mengikut spesifikasi kajian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD) Kementerian Pelajaran Malaysia. Penyelidik telah berbincang dengan penyelia terlebih dahulu mengenai pernyataan masalah yang ingin dikaji dan seterusnya mengemukakan cadangan kajian yang akan dijalankan.

Selepas kajian rintis dijalankan, analisis data bagi kajian rintis tersebut dilakukan untuk mendapatkan nilai *Alpha Cronbach* bagi mengenal pasti mana-mana item yang perlu diubah atau dikekalkan. Kemudian soal selidik yang telah siap sepenuhnya akan diedarkan kepada para responden di sekolah-sekolah yang terlibat. Untuk mendapatkan maklum balas yang sah dan boleh dipercayai, langkah-langkah berikut dilakukan oleh penyelidik dalam pengumpulan data kajian:



- (i) Memohon kebenaran daripada pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat dengan mengedarkan borang soal selidik.
- (ii) Memberi penerangan kepada responden untuk menjawab soalan dan borang soal selidik.
- (iii) Memperuntukkan masa yang sesuai kepada responden untuk menjawab semua soalan.
- (iv) Mengumpulkan semula borang soal selidik yang telah dijawab oleh responden.
- (v) Menganalisis data dari set soalan soal selidik yang telah dikumpulkan.
- (vi) Memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu semasa soalan selidik dijalankan.

#### 1.5.4 Kajian Rintis

Jadual di bawah menunjukkan nilai *Alpha Cronbach* item-item bagi setiap model komunikasi interpersonal selepas kajian sebenar dilakukan.

No	Aspek / Ciri	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>
1	Komunikasi Interpersonal – Model Humanistik	0.85
2	Komunikasi Interpersonal – Model Pragmatik	0.64
<b>Nilai Keseluruhan</b>		<b>0.848</b>

Jadual 1.3 Nilai keseluruhan *Alpha Cronbach* (kebolehpercayaan)

### 1.5.5 Analisis Data

Terdapat dua jenis statistik untuk menganalisis sesuatu data iaitu statistik deskriptif (data yang luas dikumpulkan, diringkaskan, dirumuskan supaya ia bermakna) dan statistik inferensi (menyelesaikan sesuatu masalah menggunakan sampel daripada populasi yang besar). Jenis statistik yang dipilih dalam kajian ini adalah statistik deskriptif melibatkan penjadualan dan penerangan kumpulan data. Data yang luas (maklumat yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal daripada soal selidik) dikumpulkan, diringkaskan dan dirumuskan supaya data tersebut bermakna. Statistik deskriptif terdiri daripada kekerapan, peratus dan ukuran kecenderungan memusat.

Ukuran kecenderungan memusat melibatkan satu nilai pusat yang boleh mewakili nilai semua data dan nilai pusat ini menggambarkan ciri-ciri populasi.

Terdapat tiga jenis ukuran kecenderungan memusat iaitu min (purata bagi satu kumpulan data), mod (angkerap iaitu nilai yang paling kerap berlaku dalam satu kumpulan data) dan median (nilai pertengahan bagi data yang disusun secara tertib).

Analisis dapatan komunikasi interpersonal akan dikelaskan kepada tiga kumpulan iaitu 'setuju' dan 'sangat setuju' dijadikan kumpulan 'setuju', tidak pasti dikekalkan kepada kumpulan 'tidak pasti', manakala 'tidak setuju' dan 'sangat tidak setuju' dijadikan kumpulan 'tidak setuju'. Bagi memudahkan perbincangan, analisis data ditunjukkan sebagaimana jadual di bawah:

<b>Tahap Komunikasi Interpersonal</b>	<b>Skala</b>	<b>Singkatan</b>
Tinggi	Setuju	S
Sederhana	Tidak Pasti	TP
Rendah	Tidak Setuju	TS

Jadual 1.4 Skala dan tahap komunikasi interpersonal.

Data dikumpul melalui soal selidik yang telah dijawab oleh responden akan dianalisis dengan menggunakan kaedah '*Statistical Packages for Social Sciences*' (SPSS) versi 15.0 for Windows melalui komputer untuk memperoleh kekerapan, peratusan dan min. Di samping itu juga, penyelidik telah membuat pemeringkatan mengikut skor min sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 5. Ini bertujuan untuk memudahkan pertimbangan yang dibuat mengikut skor min yang diperolehi.

<b>Tahap Komunikasi Interpersonal</b>	<b>Skala</b>	<b>Sela min</b>
Tinggi	Setuju	3.68 - 5.00
Sederhana	Tidak pasti	2.34 - 3.67
Rendah	Tidak setuju	1.00 - 2.33

Jadual 1.5 Sela min untuk menentukan tahap komunikasi interpersonal.

## 1.6 HASIL DAPATAN

### 1.6.1 Analisis Data Bahagian A

Di dalam bahagian A penyelidik telah mengemukakan satu item sahaja iaitu berkaitan dengan jantina responden. Berikut menunjukkan hasil analisis yang telah dibuat oleh penyelidik dalam jadual di bawah.

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	47	31.30
Perempuan	103	68.70
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.00</b>

Jadual 1.6 Analisis jantina responden.

Jadual di atas menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan jantina. Seramai 47 responden atau 31.30 peratus adalah lelaki dan 103 responden atau 68.70 peratus adalah perempuan.

### **1.6.2 Analisis Data Bahagian B**

Penganalisan data bahagian B adalah mengenai tahap komunikasi interpersonal bagi item-item yang merangkumi Model Humanistik dengan ciri-ciri keterbukaan, empati, dukungan, sikap positif dan kesaksamaan dan Model Pragmatik dengan ciri-ciri keyakinan sosial, kebersamaan dan daya ekspresif, pengurusan interaksi dan orientasi lain. Model-model inilah yang ingin dikaji oleh penyelidik. Di bawah menunjukkan hasil dapatan daripada penganalisan berdasarkan Skala Likert yang telah diperolehi.

Item	TS (%)	TP (%)	S (%)	Min	MP
Saya mengaku bahawa saya bukanlah seorang murid yang sempurna.	51 Orang (34.00)	74 Orang (49.30)	25 Orang (16.70)	2.80	3.29 Sederhana
Saya akan bertanggungjawab jika saya melakukan kesilapan.	1 Orang (0.70)	57 Orang (38.00)	92 Orang (61.30)	3.63	
Saya sanggup menerima apa-apa teguran terhadap diri saya.	12 Orang (8.00)	70 Orang (46.70)	70 Orang (46.70)	3.48	
Jika saya silap, tolong betulkan saya.	23 Orang (15.40)	62 Orang (41.30)	57 Orang (37.90)	3.25	
Saya turut merasai kesukaran yang dihadapi oleh rakan-rakan saya.	18 Orang (12.00)	62 Orang (41.30)	70 Orang (46.70)	3.35	3.00 Sederhana
Jika rakan saya gagal dalam peperiksaan, saya juga turut bersedih.	0 (0.00)	87 Orang (58.00)	33 Orang (22.00)	3.01	
Saya memberikan sepenuh perhatian kepada percakapan rakan saya.	65 Orang (43.30)	41 Orang (27.30)	44 Orang (29.40)	2.79	
Saya akan memandang wajah rakan saya bila berbicara dengannya.	50 Orang (33.40)	73 Orang (48.70)	27 Orang (17.90)	2.85	
Dalam sesuatu perbualan, saya akan menyebelahi rakan saya.	13 Orang (8.70)	86 Orang (57.30)	51 Orang (24.00)	3.26	3.12 Sederhana
Rakan saya selalu bercakap benar.	27 Orang (18.00)	87 Orang (58.00)	36 Orang (24.00)	3.01	
Dalam melaksanakan sesuatu kerja saya memberi sepenuh	39 Orang (26.00)	69 Orang (46.00)	42 Orang (28.00)	3.02	

kepercayaan kepada rakan saya					
Rakan akan memberitahu bahawa saya pandai mengambil hati.	19 Orang (12.70)	82 Orang (54.70)	49 Orang (32.60)	3.21	
Saya seorang yang periang.	34 Orang (22.70)	81 Orang (54.00)	35 Orang (23.30)	3.00	Sederhana 2.81
Bila bercakap, saya sentiasa tenang.	87 Orang (58.00)	44 Orang (29.30)	19 Orang (12.70)	2.35	
Saya selalu memuji rakan-rakan jika sekiranya dia melakukan kerja yang berfaedah.	55 Orang (36.60)	70 Orang (46.70)	25 Orang (16.70)	2.81	
Bila rakan saya berjaya dalam sesuatu hal, saya turut merasa bangga.	39 Orang (26.00)	57 Orang (38.00)	54 Orang (36.0)	3.09	
Saya akan mendengar percakapan rakan-rakan saya.	26 Orang (17.30)	72 Orang (48.00)	52 Orang (34.70)	3.16	
Bila bercakap, saya tidak mencelah.	46 Orang (30.60)	79 Orang (52.70)	25 Orang (16.70)	2.85	Sederhana 3.00
Saya tidak akan menyalahkan pendapat rakan-rakan saya.	33 Orang (22.00)	77 Orang (51.30)	40 Orang (26.70)	3.05	
Rakan-rakan tidak dipaksa untuk mendengar pendapat saya.	40 Orang (26.70)	72 Orang (48.00)	38 Orang (25.30)	2.94	

Jadual 1.7 Dapatan kajian tahap komunikasi interpersonal bagi Model Humanistik.

Purata Min Keseluruhan 3.04 Sederhana

TS-Tidak Setuju S-Setuju TP-Tidak Pasti

MP-Min Purata

Bagi Model Humanistik, skor min yang tertinggi ialah 3.63 iaitu bagi item ketiga: "*Saya akan bertanggungjawab jika saya melakukan kesilapan*". 92 responden atau 61.30 peratus mengatakan "setuju", 57 responden atau 38.00 peratus mengatakan "tidak pasti" manakala seorang responden atau 0.70 peratus mengatakan "tidak setuju". Skor min yang kedua tertinggi ialah 3.48 iaitu bagi item keempat: "*Saya sanggup menerima apa-apa teguran terhadap diri saya*", 81 responden atau 54.00 peratus mengatakan "setuju", 70 responden atau 46.70 peratus mengatakan "tidak pasti" manakala 12 responden atau lapan peratus mengatakan "tidak setuju".

Manakala skor min yang paling rendah ialah 2.35 iaitu bagi item ke 15: "*Bila bercakap saya sentiasa tenang*", 87 responden atau 58.00 peratus mengatakan "tidak setuju", 44 responden atau 29.30 peratus mengatakan "tidak pasti" manakala hanya 19 responden atau 12.70 peratus sahaja yang mengatakan "setuju". Daripada Jadual 1.7, didapati bahawa purata keseluruhan skor min ialah 3.04. Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap komunikasi interpersonal murid-murid berdasarkan Model Humanistik dengan ciri-ciri keterbukaan, empati, dukungan, sikap positif dan kesaksamaan berada pada tahap yang sederhana.

Item	TS (%)	TP (%)	S (%)	Min	MP
Saya merasa yakin apabila berkomunikasi dengan rakan-rakan.	19 Orang (12.70)	68 Orang (45.30)	63 Orang (42.00)	3.30	Sederhana 3.23
Saya rasa gementar bila memberi sesuatu pendapat / berhujah.	39 Orang (26.00)	64 Orang (42.70)	47 Orang (31.30)	3.04	
Saya boleh mengawal emosi walaupun dalam keadaan tertekan.	8 Orang (5.40)	52 Orang (34.70)	90 Orang (59.90)	3.54	
Saya boleh mempengaruhi rakan saya untuk melakukan sesuatu jika diperlukan.	37 Orang (24.70)	70 Orang (46.70)	43 Orang (28.60)	3.03	
Saya suka memuji rakan-rakan saya.	58 Orang (38.70)	51 Orang (34.00)	41 Orang (27.30)	2.83	Sederhana 2.94
Saya akan memanggil namanya dengan penuh kemesraan.	38 Orang (25.40)	79 Orang (52.70)	33 Orang (21.90)	2.95	
Bila bercakap dengan kawan, saya suka berpeluk tubuh.	28 Orang (18.70)	88 Orang (58.70)	34 Orang (22.60)	3.05	
Saya akan memegang bahu rakan bila berbual.	44 Orang (29.40)	67 Orang (44.70)	39 Orang (25.90)	2.94	
Saya selalu menggalakkan orang lain berkomunikasi secara terbuka dengan saya.	8 Orang (5.30)	60 Orang (40.00)	82 Orang (54.70)	4.03	Tinggi 3.76
Walaupun saya mungkin tidak menerima sesuatu layanan yang baik saya tetap akan mengetahuinya.	13 Orang (8.70)	59 Orang (39.30)	78 Orang (52.00)	3.43	



- Aktiviti .....37, 39, 79, 81, 289, 321, 327,  
328, 338, 339, 340, 350, 351, 352,  
354, 356
- Alpha Cronbach* .....12, 13, 46, 106, 107,  
139, 176, 293, 335
- Analisis Inferensi** ..... 86
- ANOVA .....x, xvi, xviii, 47, 53, 55, 250,  
262, 264, 267, 268, 269, 294, 303,  
346
- autonomi .. xvi, 160, 230, 239, 240, 241,  
243, 244, 245, 247, 250, 257, 260,  
261, 262, 266, 267, 269
- bahan batu mengajar ..... 67
- berorientasikan kejayaan195, 198, 209,  
220, 224, 230
- budaya ilmuv, 191, 192, 193, 196, 198,  
199, 209, 212, 224, 225, 226, 231,  
312
- daya ekspresif . 2, 5, 7, 8, 10, 12, 16, 22,  
24
- dukungan ..... 2, 5, 6, 10, 12, 16, 19, 23
- efikasi diri xvi, 239, 240, 243, 244, 246,  
247, 249, 250, 260, 265, 267, 269
- empati ..... 2, 4, 5, 6, 10, 12, 16, 19, 23
- faktor persekitaran xi, 66, 67, 68, 70, 82,  
84, 87, 89
- gaya kepimpinan ..... xiv, 178, 191, 192,  
193, 194, 195, 196, 198, 199, 200,  
201, 202, 204, 206, 207, 209, 220,  
221, 222, 223, 224, 225, 226, 227,  
228, 229, 230, 231, 280
- gaya pengajaran guru . xi, 66, 67, 68, 69,  
70, 78, 80, 87, 88
- guru besar.....xiv, xv, xvii, 130, 189, 190,  
191, 192, 193, 194, 195, 197, 198,  
199, 200, 201, 202, 203, 204, 206,  
207, 209, 212, 214, 216, 218, 220,  
221, 222, 223, 224, 225, 226, 227,  
228, 229, 230, 231, 273, 274, 275,  
276, 279, 286, 287, 288, 290, 291,  
292, 293, 294, 295, 296, 297, 298,  
301, 302, 303, 304, 305, 306, 307,  
308, 309, 310, 311, 312, 313, 314,  
315, 316, 317, 318
- Guru besar.....191, 200, 201, 202, 203,  
205, 206, 208, 209, 211, 213, 214,  
215, 216, 217, 218, 219, 222, 226,  
273, 274, 305, 307, 309, 311, 313,  
315, 316, 329
- impak . xvi, 25, 230, 238, 239, 240, 243,  
244, 245, 247, 250, 259, 260, 261,  
263, 265, 266, 267, 269, 322
- inkuiri131, 139, 149, 150, 151, 152, 155
- Instrumen Kajian** ..9, 43, 104, 136, 172,  
197, 246, 288, 333
- interpersonalix, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 11,  
12, 13, 14, 15, 16, 18, 19, 22, 23, 24,  
25, 27, 97, 99, 100, 102, 105, 110,  
114, 115, 119, 121, 122, 123, 124,  
169, 182, 323
- jurulatih,..... 39
- kaedah pengajaran .... xiii, 63, 79, 81, 90,  
131, 139, 149, 150, 151, 152, 154,  
159
- Kajian Rintis** 13, 45, 106, 137, 175, 249,  
335
- kebersamaan...2, 5, 7, 8, 10, 12, 16, 22,  
23, 24
- kefahaman ... xvii, xviii, xix, 45, 323, 324,  
325, 331, 332, 334, 335, 336, 338,  
341, 342, 343, 345, 347, 349, 350,  
354, 355, 356, 357
- kehadiran ..... 41, 238, 244
- Kemahiran Hidup Bersepadu 61, 92, 94
- kemahiran profesional .....xiii, 131, 139,  
147, 148, 151, 152, 154, 155
- kepemimpinan membimbing . 277, 310,  
312
- Kepemimpinan mendelegasi ..... 277
- kepemimpinan mengarah ..... 276, 277,  
282, 288, 314, 317
- kepemimpinan menyokong.... 277, 302,  
311, 314

- kepemimpinan situasi xvi, xvii, 275, 276,  
 279, 288, 294, 295, 298, 299, 310,  
 313, 314, 315, 318
- kepimpinan xiv, xv, 25, 32, 35, 133, 159,  
 162, 163, 164, 165, 167, 168, 171,  
 173, 177, 178, 180, 182, 183, 184,  
 185, 190, 191, 192, 193, 194, 195,  
 198, 199, 200, 202, 204, 206, 207,  
 209, 212, 214, 216, 218, 219, 220,  
 222, 223, 224, 225, 226, 227, 228,  
 229, 230, 231, 279, 280, 281, 283,  
 284, 294, 357, 358
- kepimpinan kurikulum ... 191, 193, 196,  
 198, 199, 217, 218, 224, 225, 228,  
 231
- kepuasan ...viii, xii, xiv, 3, 95, 96, 97, 98,  
 99, 100, 101, 102, 104, 110, 111,  
 112, 113, 115, 116, 117, 118, 119,  
 120, 121, 122, 123, 124, 162, 163,  
 164, 169, 170, 173, 174, 177, 178,  
 181, 184, 185, 193, 194, 222, 358
- Kepuasan Kerja** 159, 169, 181, 184, 271
- kerja berpasukan.... 160, 161, 162, 163,  
 164, 165, 171, 173, 177, 178, 180,  
 181, 182, 183, 184, 185, 266, 268
- kesaksamaan.... 2, 4, 5, 7, 10, 12, 16, 19
- keterbukaan 2, 4, 5, 6, 10, 12, 16, 19, 23
- ketua panitia ..163, 164, 174, 175, 177,  
 178, 179, 181, 184, 185
- keusahawanan ....61, 62, 65, 72, 74, 76,  
 78, 79, 80, 81, 82, 84, 89, 90
- kewangan ..35, 39, 61, 71, 73, 130, 132,  
 227
- keyakinan 2, 5, 7, 10, 12, 16, 22, 24, 30,  
 106, 221, 280, 284, 311
- kokurikulum... ix, x, xviii, xix, 29, 30, 31,  
 32, 33, 37, 38, 39, 40, 41, 43, 44, 45,  
 47, 48, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57,  
 133, 159, 167, 217, 274, 321, 322,  
 323, 324, 325, 327, 328, 329, 331,  
 332, 333, 334, 335, 338, 339, 340,  
 341, 342, 343, 344, 345, 346, 347,  
 348, 349, 350, 351, 352, 353, 354,  
 355, 356, 357, 358, 359
- Kokurikulum** .29, 36, 38, 40, 44, 45, 51,  
 53, 54, 55, 56, 58, 59, 299, 306, 321,  
 327, 328, 329, 338, 344, 345, 348,  
 350, 352, 354, 356, 357, 358
- komunikasi ..ix, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 9, 10, 11,  
 13, 14, 15, 16, 18, 19, 22, 23, 24, 25,  
 27, 40, 128, 161, 164, 165, 180, 182,  
 279, 281, 304, 306, 307, 314, 358
- kualiti perkhidmatan .... 95, 97, 99, 100,  
 101, 102, 120, 123, 124
- membuat keputusan .. 36, 41, 160, 219,  
 222, 230, 235, 237, 238, 239, 240,  
 242, 243, 244, 245, 246, 247, 249,  
 250, 251, 252, 257, 258, 259, 260,  
 261, 265, 266, 267, 269, 274, 279,  
 281, 304, 308, 311, 313, 314, 316
- Model Gronroos ..... 102, 105
- model humanistik..... 4
- Model Pragmatik.... ix, 2, 5, 6, 7, 10, 12,  
 13, 16, 22, 24
- motivasi. xv, 88, 89, 133, 160, 169, 184,  
 191, 192, 193, 196, 198, 199, 209,  
 216, 224, 225, 228, 231, 312
- pembelajaran . vii, 13, 29, 36, 39, 41, 62,  
 63, 64, 65, 66, 67, 68, 70, 72, 74, 75,  
 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 85,  
 86, 87, 88, 89, 90, 128, 131, 133,  
 134, 139, 147, 148, 149, 150, 151,  
 152, 154, 192, 202, 206, 218, 222,  
 223, 235, 244, 247, 253, 256, 257,  
 258, 259, 260, 265, 266, 327
- Pengajaranvii, 61, 63, 75, 77, 79, 81, 92,  
 93, 154
- pengetua ix, x, 29, 30, 31, 32, 33, 36, 38,  
 40, 41, 43, 44, 45, 47, 48, 50, 51, 52,  
 53, 54, 55, 56, 57, 159, 162, 163,  
 164, 165, 166, 171, 173, 177, 180,  
 181, 182, 183, 184, 185, 189, 190,  
 191, 198, 221, 228, 235, 236, 237,  
 238, 241, 243, 267, 268, 273, 352,  
 358
- pengupayaan ..... xv, 191, 193, 196, 198,  
 199, 209, 218, 220, 224, 225, 229,  
 230, 231, 235, 237, 238, 239, 240,  
 241, 242, 243, 245, 246, 247, 248,

250, 256, 260, 261, 262, 263, 264,  
265, 266, 267, 268, 269

pengupayaan kepimpinan..... 191, 193,  
196, 198, 199, 209, 218, 220, 224,  
225, 229, 231

pengurus ix, x, 29, 31, 33, 35, 38, 41, 43,  
44, 47, 48, 52, 53, 54, 55, 56, 57,  
159, 236, 238, 242, 266, 281, 352,  
353, 357

pengurusan interaksi...2, 5, 7, 8, 10, 12,  
16, 22, 24

penilaian.....37, 38, 110, 131, 139, 140,  
149, 151, 152, 155, 167, 168, 169,  
184, 215, 227, 249, 342, 353

percubaan 131, 139, 149, 151, 152, 155

perdagangan .62, 65, 72, 74, 76, 78, 79,  
80, 81, 82, 84, 90

perkembangan profesional xv, 239, 240,  
243, 245, 246, 247, 249, 250, 253,  
260, 265, 267, 269

permuafakatan... xv, 191, 192, 193, 196,  
198, 199, 209, 213, 214, 224, 225,  
227, 231

**Populasi**..9, 42, 69, 103, 135, 171, 196,  
246, 286, 332

**Prosedur Kajian** 44, 106, 137, 173, 248,  
289

pusat latihan klinikal xiii, 130, 139, 145,  
146, 151, 152, 153

saiz sampel ..... 287

**Sampel**.....9, 69, 172, 196, 333

sikap guru.... xvii, xviii, xix, 88, 309, 313,  
323, 324, 325, 331, 332, 334, 335,  
336, 338, 341, 342, 344, 346, 348,  
349, 352, 354, 355, 356, 357

sikap positif .... 2, 5, 7, 10, 12, 16, 19, 23

Skala Likert .....10, 11, 44, 173, 174

status ... xv, 47, 106, 193, 222, 238, 239,  
240, 243, 245, 246, 247, 249, 250,  
260, 263, 265, 267, 269

*Teaching School*..... 127, 128

Temu bual ..... 294

**Teori Stail Kepemimpinan** ..... 279

Ujian-T ..... xii, 48, 118, 119, 294

# *Senarai Penyumbang*

Tanpa sumbangan idea dan komitmen mereka yang disenaraikan di bawah ini pastinya bab-bab dalam buku ini tidak mampu disiapkan secara teratur dan menepati waktunya.

Azizi Yahaya  
**Universiti Malaysia Sabah**

Sri Kartika Rahman  
Abu Bakar Madin  
Hanapi Mohamad  
Suraya Tarasat  
Suriati Haji Awg Mohamad  
**Universiti Brunei Darussalam**

Gooh Mo Lee  
**Universiti Kebangsaan Malaysia**

Nurul Ezzati Azizi  
Mohammad Hassan Omar  
**Sekolah Menengah Butterworth, Pulau Pinang**

Halimah Ma'alip  
Jaaffar Khamis  
Jusoh Seman  
Lim Ting Theng  
Mohamad Kabidi Mohamad  
N Azlinda Kasma Azizan Kamal A Nasir  
Nor Azah Azman  
Aini Kaman  
Salina Sabtu  
Tay Siok Beng  
**Universiti Teknologi Malaysia**